

## TEKNIK TEATER PEMBACA

Teater pembaca (TP) ialah satu aktiviti drama yang melibatkan sekumpulan pelajar membaca sebuah cerita daripada karya prosa naratif atau puisi dalam bentuk skrip dengan intonasi yang betul dan penghayatan yang tinggi. TP mengutamakan penggunaan suara, sebutan, gerak badan yang agak terbatas, dan mimik muka bagi membantu pelajar memahami, menghayati, dan merasakan seolah-olah cerita itu sedang berlaku di hadapan mereka. Ciri tersebut yang dikombinasikan dengan penyediaan yang prop minimum dapat menimbulkan suasana cerita yang menarik dan mudah difahami.

TP sesuai untuk melatih keterampilan berbahasa kerana melibatkan gaya pengucapan dan penyampaian yang bersahaja, sesuai dengan watak. TP turut dikenali dengan nama “teater minda” kerana audiens dibawa membayangkan cerita dalam babak melalui aksi, tekanan suara, dan mimik muka.

Antara kebaikan aktiviti TP ialah mudah dikendalikan. TP melibatkan pembaca membaca secara individu skrip pendek dan tidak perlu menghafal dialog. Oleh itu, persembahan boleh dilakukan secara spontan dan tidak memerlukan latihan yang lama. Daripada aspek ruang, TP tidak melibatkan ruang yang luas. Daripada aspek pelibatan pula, banyak pelajar boleh dilibatkan sama ada sebagai pelakon mahupun sebagai perancang persembahan. Propnya pula ialah sesuatu yang mudah sahaja bagi menimbulkan suasana dan penghayatan, contohnya tanda nama watak pada pelakon, tanda nama tempat yang menjadi latar, dan prop-prop lain yang mudah. Semasa persembahan kumpulan, pelajar lain akan menjadi penonton yang lebih aktif jika diberikan tugasan untuk menilai persembahan tersebut.

Oleh itu, TP amat sesuai dalam melatih keterampilan berbahasa, kerana melibatkan gaya pengucapan dan penyampaian yang bersahaja serta bersesuaian dengan situasi dan watak yang dilakonkan. Malahan, aktiviti ini boleh melibatkan semua murid melalui pembelajaran aktif, menerapkan nilai murni seperti kerjasama sepasukan, dan menggalakkan kemahiran berfikir, terutamanya kemahiran membuat keputusan dan penyelesaian masalah.

### Langkah Pelaksanaan

1. Perbincangan dalam kumpulan untuk pembahagian tugas iaitu sebagai pelakon, pencerita, penyediaan prop, pengarah (jika perlu), dan lain-lain. Setiap pelajar yang dipilih diberikan watak dan skrip.
2. Persiapan – latihan ringkas dan penyediaan ruang serta prop.
3. Persembahan:
  - Pelakon boleh berdiri atau duduk di atas kerusi.
  - Pembaca (naratif) di bahagian tepi kiri atau kanan manakala pelakon di tengah.
  - Pelakon membaca dialog mengikut urutan dalam skrip.
  - Pelakon yang tiba gilirannya akan bergerak selangkah ke hadapan (jika berdiri) atau berdiri (jika dalam posisi duduk) untuk membaca/melakonkan dialog dengan penuh perasaan dan intonasi yang sesuai. Pelakon kembali ke posisi asal setelah selesai membaca skrip.
4. Selepas persembahan – penilaian dan refleksi aktiviti.